

TARIKH TUTUP : Khamis, 12 Jun 2025

COP SYARIKAT



KERAJAAN MALAYSIA

**KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU
PULAU PINANG**


DOKUMEN SEBUTHARGA

NO. SEBUTHARGA: IADA / BKP/ SPT/ P&K/ QO(40)/2025

KERJA-KERJA MENAIKTARAF KOMPLEKS IADA DAN KUARTERS SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI IADA PULAU PINANG DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG.



Pengarah
Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu
Pulau Pinang





KERAJAAN MALAYSIA

KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU PULAU PINANG

NO. SEBUTHARGA : IADA / BKP/ SPT/ P&K/ QO(40)/2025

TAJUK KERJA : KERJA-KERJA MENAIKTARAF KOMPLEKS IADA DAN KUARTERS SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI IADA PULAU PINANG DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG.

JADUAL KANDUNGAN

Bil	Butiran	Muka Surat
1.	Kenyataan Sebutharga	(i)
2.	Dokumen A – Arahan Kepada Petender	A/1 –A/4
3.	Dokumen B – Syarat-Syarat Sebutharga	B/1 – B/5
4.	Dokumen C – Borang Sebutharga	C/1
5.	Dokumen D1 – Surat Akuan Pembida (Lampiran F)	D/1-D/2
6.	Dokumen D3 – Surat Akuan Pembida Berjaya (Lampiran G)	D/3-D/4
7.	Dokumen D5 - Surat Akuan Oleh Syarikat Yang Mendaftar Dengan Kementerian Kewangan/ Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (Cidb) (Lampiran H)	D/5
8.	Dokumen D6 - Borang Pengisytiharan Pemunya Benefisial (Lampiran I)	D/6
9.	Dokumen D7 - Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah (Lampiran J)	D/7
10.	Dokumen E – Spesifikasi	E/1 – E/4
11.	Dokumen F – Ringkasan Sebutharga	F/1 -F/2
12.	Dokumen G – Senarai Lukisan
13.	Dokumen K – Dokumen-dokumen sokongan a) Senarai Kerja Yang Telah Disiapkan b) Senarai Kerja Dalam Tangan c) Senarai Semakan Sebutharga (Bekalan / Perkhidmatan / Kerja)	K/1 – K/4

KERAJAAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN MALAYSIA
KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU

PULAU PINANG



Kenyataan Sebutharga

Sebutharga adalah dipelawa kepada kontraktor bumiputera bagi seluruh **DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH** yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam Gred Kategori dan pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran kerja seperti berikut:

Bil	Butir-butir Tawaran	Tempat Dokumen diperolehi	Syarat Pendaftaran	Tarikh dan Tempat Taklimat	Tarikh Tutup Sebutharga
1	<p>No. Sebutharga: IADA / BKP/ SPT/ P&K/ QO(40)/2025</p> <p>KERJA-KERJA MENAIKTARAF KOMPLEKS IADA DAN KUARTERS SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI IADA PULAU PINANG DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG.</p>	<p>Dengan muat turun melalui Laman Web : http://iadapp.kpkm.gov.my/</p>	<p>Gred G1 Kategori CE, B Pengkhususan CE21, B24</p>	<p>Tarikh Iklan : 29 Mei 2025 (Khamis) Sesi Taklimat Diadakan pada: Khamis 5 Jun 2025 Pendaftaran : 9.00 -10.00 pagi Taklimat : 10.00 pg Di Pejabat : IADA P. Pinang Jln Jelawat 13700 Seb.Jaya Pulau Pinang</p>	<p>Khamis 12 Jun 2025 Jam 12.00 tengahari</p>

2. Taklimat sebutharga adalah **DIWAJIBKAN** walaubagaimana pun lawatan tapak adalah digalakan untuk dihadiri oleh kontraktor dan hanya **Pemilik/Penama dalam sijil Perolehan Kerja Kerajaan** sahaja yang dibenarkan menghadiri sesi taklimat sebutharga. Kontraktor hendaklah membawa Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (ASAL) dan Sijil Perakuan Pendaftaran (ASAL) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta Sijil Taraf Bumiputera dari Pusat Khidmat Kontraktor semasa melapor diri di **Pejabat Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Pulau Pinang, Jalan Jelawat, Seberang Jaya, Pulau Pinang**
3. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No.Sebutharga dan dimasukan ke dalam **Peti Sebutharga Pejabat Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Pulau Pinang** pada hari **Khamis 12 Jun 2025 sebelum jam 12.00 tengahari**.

KEBENARAN KHAS TIDAK DIBENARKAN BAGI KONTRAKTOR YANG TIDAK MEMPUNYAI KOD BIDANG B24

** Kehadiran yang lewat semasa pendaftaran tidak akan di terima.

ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA

1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUTHARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah atau mana-mana sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebutharga, keputusan Jawatankuasa Sebutharga adalah muktamad.

2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUTHARGA

2.1 Penyediaan Sebutharga

Penyebutharga adalah diwajibkan mengisi segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:

- a) Ringkasan Sebutharga perlu diisi sepenuhnya dan ditandatangani oleh Penyebutharga.
- b) Borang Sebutharga perlu diisi dengan menyatakan harga secara pukal (Lump Sum) dan tempoh masa yang diperlukan untuk melaksanakan kerja. Borang ini perlu ditandatangani oleh Penyebutharga dan saksinya.
- c) Pegawai yang menandatangani Ringkasan Sebutharga dan Borang Sebutharga ini hendaklah Pegawai Syarikat Yang ditauliahkan seperti yang dinyatakan dalam sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia.
- d) Butir-butir spesifikasi (jika ada)
- e) Senarai Kerja Dalam Tangan
- f) Senarai Pengalaman Kerja
- g) Maklumat kemampuan kewangan dalam bentuk penyata akaun bank untuk 3 bulan yang terkini, deposit tetap, baki nilai kemudahan kredit dan nilai kemudahan kredit yang layak/akan diperolehi oleh penyebutharga daripada institusi kewangan.*

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas ringkas Penyebutharga hendaklah menandatangani semua pembetulan

3. IKLAN & PUBLISITI

Tiada maklumat berkenaan sebut harga boleh disiarkan dalam sebarang akhbar, majalah atau alat pengiklanan/media massa melainkan jika pengiklanan itu telah pun dihantar kepada dan diluluskan oleh Kerajaan terlebih dahulu.

* Bagi kerja melebihi RM 200,000.00 (Gred G 2) sahaja

2.2 ‘Integrity Pact’

- a) Penyebutharga wajib mengemukakan surat Akuan Pembida Seperti di Dokumen D1 di mana ia berwaad untuk tidak menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tawaran ini. Wakil syarikat yang menandatangani surat akuan Pembida ini hendaklah juga melampirkan surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat.
- b) Surat Akuan Pembida tersebut adalah menjadi salah satu dokumen wajib dalam penilaian sebutharga peringkat pertama. Sekiranya pembida gagal mengemukakan Surat Akuan tersebut yang telah ditandatangani oleh pegawai Syarikat yang bertauliah, pembida tersebut akan dinilai sebagai gagal dalam penilaian peringkat pertama (gagal mengemukakan dokumen wajib) dan penilaian seterusnya tidak akan dilaksanakan.
- c) Kontraktor yang Berjaya wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida Berjaya seperti di Dokumen D2 beserta dengan Borang Perjanjian Inden Kerja yang telah ditandatangani di mana ia berwaad tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida ini hendaklah juga melampirkan surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat. Surat Akuan ini akan menjadi sebahagian daripada perjanjian Sebutharga.

2.3 Penyerahan Dokumen Sebutharga

- b. Dokumen sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan No. sebutharga serta tajuk sebutharga dan hendaklah dimasukan ke dalam Peti Sebutharga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Kenyataan sebutharga.
- c. Jika Dokumen Sebutharga tidak diserahkan dengan tangan, kontraktor hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- d. Sebutharga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan atas sebab apa sekalipun, tidak akan dipertimbangkan.
- e. Satu (1) penyebut harga hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja. Tawaran alternatif adalah tidak dibenarkan. Sekiranya sebut harga mempunyai tawaran alternatif, sebut harga tersebut hendaklah ditolak.

2.4 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebutharga yang tidak jelas atau bercanggah, Penyebutharga boleh menghubungi Pengarah IADA Pulau Pinang di Alamat Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Pulau Pinang, Jalan Jelawat 13700 Seberang Jaya Pulau Pinang atau melalui Talian Telefon 04-3907801 untuk Penjelasan lanjut.

3. RINGKASAN SEBUTHARGA

- 3.1 Ringkasan sebutharga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebutharga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebutharga.
- 3.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebutharga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan kerja dengan sempurnanya.

4. TEMPOH SIAP KERJA

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam **tempoh tidak melebihi (12) minggu/bulan**.

5. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUTHARGA

Semua Perbelanjaan bagi penyediaan sebutharga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebutharga sendiri.

6. TEMPOH SAH SEBUTHARGA

Sebutharga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebutharga. Penyebutharga tidak boleh menarik balik sebutharganya sebelum tamat tempoh sah. Pengesyoran tindakan tatatertib akan diambil sekiranya Penyebutharga menarik balik sebutharganya sebelum tamat tempoh sebutharga.

7. Keputusan muktamad Sebut Harga akan disiarkan di papan kenyataan IADA Pulau Pinang dan dalam Portal MyPROCUREMENT, dan laman sesawang <http://iadapp.kpkm.gov.my>

8. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

Semua penyebutharga adalah diingatkan supaya tidak terlibat dalam aktiviti jenayah rasuah berkaitan dengan perolehan ini. Sehubungan dengan itu, para penyebutharga diberi peringatan berikut:

- 8.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan satu kesalahan jenayah di bawah akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)
- 8.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota perkhidmatan awam. Maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)
- 8.3 Tanpa Prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraikan kontraktor boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 8.4 Mana-mana kontraktor yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan dibawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)

KLAUSA PENCEGAHAN RASUAH DAN TIPUAN BIDA DALAM DOKUMEN PEROLEHAN KERAJAAN

“PENAMATAN DISEBABKAN OLEH RASUAH, TIPUAN BIDA, AKTIVITI HARAM ATAU AKTIVITI YANG MENYALAHİ UNDANG-UNDANG ATAU TIPUAN BIDA

- a) Tanpa prasangka kepada apa-apa hak lain Kerajaan, sekiranya [Syarikat/Kontraktor], kakitangan, pengkhidmat atau pekerjanya disabitkan oleh Mahkamah atas kesalahan rasuah atau aktiviti haram atau aktiviti yang menyalahi undang-undang atau didapati melakukan pelanggaran larangan tipuan bida di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] yang berkaitan dengan Perjanjian ini atau apa-apa perjanjian lain yang dimasuki oleh [Syarikat/Kontraktor] dengan Kerajaan, Kerajaan hendaklah berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa, dengan memberi notis bertulis dengan serta merta kepada [Syarikat/Kontraktor] untuk menyatakan sedemikian kepada [Syarikat/Kontraktor].
- b) Kerajaan berhak menuntut daripada [Syarikat/Kontraktor] apa-apa bentuk pampasan, kos, ganti rugi, kerosakan dan perbelanjaan termasuk apa-apa kos perbelanjaan sampingan yang ditanggung oleh Kerajaan akibat daripada penamatan itu.
- c) Pihak-Pihak bersetuju bahawa [Syarikat/Kontraktor] tidak berhak kepada apa-apa bentuk kerugian termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan, ganti rugi, kos, perbelanjaan dan sebagainya akibat daripada penamatan itu”.

SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA UNTUK KERJA

1. PEMERIKSAAN TAPAK BINA

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapakbina, takat, dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagimениyiapkan kerja-kerja, cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko luar jangkaandan segala hal keadaan yang mempengaruhi dan menjelas sebutharganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2. BON PELAKSANAAN*, INSURANS DAN PERKESO

- 2.1 Kontraktor hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan* sebanyak 5 % daripada nilai sebutharga dalam bentuk Jaminan Bank, Jaminan Syarikat Kewangan, Jaminan Insurans atau Jaminan Takaful atau memilih Wang Jaminan Pelaksanaan yang dikenakan potongan sebanyak 5% daripada nilai sebutharga
- 2.2 Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja* (sekiranya dinyatakan di dalam Butir-butir Ringkasan Sebutharga) bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.
- 2.3 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan Kerja. Bagaimana pun untuk tujuan memulakan Kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota-nota perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pegawai Inden berhak mengambil tindakan seperti dibawah fasil 9(d).

* Potong jika tidak diperlukan

3. PERATURAN PERLAKSANAAN KERJA

- 3.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini dan arahan Pegawai Inden atau Wakilnya.
- 3.2 Kerja-kerja elektrik yang dilaksanakan disamping mematuhi kehendak di perenggan 3.1 di atas, hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling, undang-undang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh:
 - (i) Suruhanjaya Tenaga
 - (ii) Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan
 - (iii) Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan

4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

5. SUB-SEWA DAN MENYERAHHAK KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan Kerja kepada Kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahhak apa-apa faedah di bawah Inden ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

6. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI INDEN

- 6.1 Pegawai Inden atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh Pegawai Inden, memberi kepadanya baucar-baucar dan/atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi Spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.
- 6.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.
- 6.3 Tiada pengantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan didalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapatkan persetujuan daripada Pegawai Inden secara bertulis

7. RINGKASAN SEBUT HARGA

- 7.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga
- 7.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan Kerja dengan sempurnanya.
- 7.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh Kerja
- 7.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasannya kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dibuat sebelum Inden Kerja dikeluarkan.
- 7.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 7.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.
- 7.6 Sekiranya sebut harga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga sebut harga diselaraskan.

8. PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUTHARGA

- 8.1 Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama Lain. Kontraktor melaksanakan kerja hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk dengan sewajarnya sehingga siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnya dari Dokumen Sebut Harga itu.
- 8.2 Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga, dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

9. BAYARAN PENDAHULUAN

(Jika sebutharga melebihi RM 200,000.00)

Kontraktor boleh memohon Bayaran Pendahuluan sebanyak 25% atau RM100,000.00 yang mana lebih rendah jika mematuhi kesemua syarat berikut:-

- i. Kerja yang dilaksanakan bernilai melebihi RM 200,000.00 sehingga RM 500,000.00.
- ii. Tempoh siap kerja tidak kurang daripada 3 bulan
- iii. Permohonan daripada kontraktor diterima dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh milik tapak
- iv. Polisi insurans telah dikemukakan oleh kontraktor
- v. Satu jaminan terhadap Bayaran Pendahuluan dikemukakan oleh kontraktor samada

10. BAYARAN BALIK PENDAHULUAN

(Jika sebutharga melebihi RM 200,000.00)

Bayaran balik pendahuluan akan dibuat melalui potongan ke atas bayaran kemajuan mengikut peringkat kerja yang telah disempurnakan. Potongan akan mula dibuat setelah kemajuan kerja mencapai 25% dan semua bayaran balik hendaklah selesai semasa projek siap pada tahap 75%.

11. BAYARAN KERJA

Bayaran atas kerja yang telah dilaksanakan akan dibuat seperti berikut:

- i. Bayaran sepenuhnya iaitu setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurna dan menyerahkan inden kerja asal: ATAU
- ii. Bayaran berperingkat tertakluk kepada maksimum dua (2) kali bayaran bagi sebutharga yang tempoh siapnya melebihi satu (1) bulan tetapi tidak melebihi dua (2) bulan. Bayaran pertama akan dibuat apabila kemajuan kerja mencapai sekurang-kurangnya 50% dari nilai sebutharga atau satu (1), yang mana lebih awal. Manakala bayaran kedua adalah merupakan bayaran akhir: ATAU
- iii. Bagi sebutharga yang tempoh penyiapannya melebihi dua (2) bulan, bayaran kemajuan secara bayaran interim akan dibuat sehingga semua kerja disiapkan. Bayaran terakhir kepada kontraktor hendaklah dianggap sebagai perakuan bayaran muktamad kepada kontraktor atas keseluruhan kerja yang telah dilaksanakan.

12. KERJA PERUBAHAN

- 12.1 Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan Pegawai Inden atau yang disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan sebut harga ini.
- 12.2 Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Sebut Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan kontraktor hendaklah digunakan.

13. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP)

- 13.1 Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi Sebutharga hendaklah sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh siap kerja diperakukan siap. Bagi kerja-kerja mekanikal dan elektikal dimana tempoh waranti ke atas alt-alat dan loji-loji adalah dua belas (12) bulan dan dalam kes-kes tertentu oleh kerana jenis dan kerumitan kerja, tempoh tanggungan kecacatan yang lebih lama daripada enam bulan (6) bulan boleh dikenakan.
- 13.2 Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati sebut harga ini apabila diarahkan oleh pegawai Inden dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos Kontraktor sendiri.
- 13.3 Sekirannya kontraktor gagal membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pegawai Inden berhak memotong kos membaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada kontraktor atau, jika baki tiada tidak mencukupi, mengeluarkan surat pengesyoran kepada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) untuk menggantungkan pendaftaran Kontraktor.

14. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurnanya dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Kontraktor hendaklah mengembalikan Borang-borang Inden Kerja Asal iaitu Borang Perjanjian Inden Kerja mengikut Pekeliling Perbendaharaan Malaysia dan Borang Pengesahan Penyiapan Inden Kerja mengikut Pekeliling Perbendaharaan Malaysia kepada Pegawai Inden.

15. PERAKUAN SIAP KERJA

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan munasabah. Tarikh siap kerja ini bermulanya Tempoh Tanggungan Kecacatan.

16. PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan sebaik sahaja kontraktor telah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain.

17. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR

- 17.1 Pegawai Inden berhak membatalkan Inden Kerja sekiranya kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden.
- a. Sekiranya kontraktor gagal memulakan kerja selepas 7 hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang menyatakan dalam Inden Kerja, tanpa sebab yang munasabah.
 - b. Sekiranya kontraktor gagal menyiapkan kerja pada tarikh siap kerja atau dalam tempoh lanjutan masa yang diberikan.
 - c. Kemajuan kerja terlalu lembap tanpa apa-apa sebab yang munasabah.
 - f. Penggantungan perlaksanaan keseluruhan atau sebahagian kerja, tanpa apa-apa sebab munasabah.
 - g. Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan munasabah: dan
 - f. Apabila kontraktor diisytihar bankrap oleh pihak yang sah.
- 17.2. Sekiranya perlantikan kontraktor ditamatkan, pengesyoran untuk tindakan tata tertib oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia akan dibuat terhadap kontraktor.

18. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-Undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa perlaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhaninya dengan syarat-syarat ini.

BORANG SEBUTHARGA

Pengarah,
Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Pulau Pinang,
Jalan Jelawat,
13700 Seberang Jaya,

Tuan,

Sebutharga Untuk : IADA / BKP/ SPT/ P&K/ QO(40)/2025

**KERJA-KERJA MENAIKTARAF KOMPLEKS IADA DAN KUARTERS SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI IADA
PULAU PINANG DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG.**

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebut Harga Syarat-syarat Am Sebut Harga, Spesifikasi Kerja dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak Ringgit Malaysia:

(.....) (RM).....).

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam masa **Dua Belas (12)** minggu dari tarikh akhir tempoh mula kerja seperti yang diarahkan oleh Pegawai Inden.

Bertarikh pada Haribulan..... 20.....

.....
(Tandatangan Penyebutharga)
Nama Penuh :

No. K/P :
Alamat :

.....
Atas sifat :

.....
(Tandatangan Saksi)
Nama Penuh :

No. K/P :
Alamat :

Meteri atau Cop Syarikat

SURAT AKUAN PEMBIDA

Tajuk : KERJA-KERJA MENAIKTARAF KOMPLEKS IADA DAN KUARTERS SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI IADA PULAU PINANG DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG.

No. sebutharga : IADA / BKP/ SPT/ P&K/ QO(40)/2025

Saya, No. Kad Pengenalan yang mewakili nombor Pendaftaran dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU PULAU PINANG** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa—

3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masingmasing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau

3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam surat akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (turn over) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

4. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :

Nama : _____

No.KP : _____

Tarikh

Cap Syarikat

Catatan:

- (i) *termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
- (ii) **seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, bekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.
- Pihak

Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini.

Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak.

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA

Tajuk : KERJA-KERJA MENAIKTARAF KOMPLEKS IADA DAN KUARTERS SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI IADA PULAU PINANG DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG.

No. sebutharga : IADA / BKP/ SPT/ P&K/ QO(40)/2025

Saya, No. Kad Pengenalan yang mewakili nombor Pendaftaran dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa- apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses perolehan atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU PULAU PINANG** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan boleh berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi perolehan di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi perolehan di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa—

3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masingmasing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau

3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii). Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :

Nama : _____

No.KP : _____

Tarikh : _____

Cap Syarikat : _____

Catatan:

- (i) *termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
- (ii) **seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.

**SURAT AKUAN OLEH SYARIKAT YANG MENDAFTAR
DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN/
LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB)**

Saya, Nombor Kad Pengenalan/Nombor Pasport yang mewakili nombor pendaftaran dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini :

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa- apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Jika apa-apa prosiding jenayah dan/atau pelanggaran perkara (i) atau (ii) dalam surat akuan ini telah dimulakan terhadap saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini dalam mana-mana mahkamah, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju mana-mana satu atau kedua-dua tindakan berikut diambil :

2.1 Sekatan atau penggantungan daripada memasuki apa-apa perolehan; dan/atau

2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa-

3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masingmasing untuk kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau

3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [*Akta 712*] ataskegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam surat akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan : _____

Nama : _____

No. KP : _____

Tarikh : _____

Cap Syarikat : _____

BORANG PENGISYIHKARAN PEMUNYA BENEFISIAL

Saya..... nombor kad pengenalan..... yang mewakili syarikatnombor pendaftaran..... (*MOF/CIDB/SSM) dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa pemunya benefisial syarikat seperti mana diisyiharkan kepada

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) seperti di Lampiran A dan senarai pemunya benefisial tambahan bagi kontrak ini (jika ada) adalah seperti berikut:

a) Butiran Pemunya Benefisial (Individu):

Nama Individu	No. Kad Pengenalan / No. Pasport	Kewarganegaraan

b) Butiran Pemunya Benefisial (Syarikat):

Nama Syarikat	No. Pendaftaran (MOF/CIDB/SSM) atau No. Pendaftaran Bagi Syarikat Asing	Lokasi Syarikat (Nama Negara)

[Berdasarkan Akta Syarikat (pindaan) 2024 [Akta A1701] dan garis panduan yang disediakan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)]

Yang Benar,

.....
Nama dan No. KP :

Cop Syarikat :

Catatan:

* Potong mana yang tidak berkenaan

SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH

PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA

NO. SEBUTHARGA: IADA / BKP/ SPT/ P&K/ QO(40)/2025

**KERJA-KERJA MENAIKTARAF KOMPLEKS IADA DAN KUARTERS SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI IADA
PULAU PINANG DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG.**

Saya, No. Kad Pengenalan yang mewakili nomor Pendaftaran dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini akan:

- i. Mendidik pekerja dan ahli organisasi mengenai cara mengenal pasti dan melaporkan tanda-tanda pemerdagangan orang dan buruh paksa;
 - ii. Meningkatkan kesedaran tentang hak pekerja, perlindungan dan akses kepada remedii; dan
 - iii. Memastikan pematuhan kepada undang-undang mengenai jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa selaras dengan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670] dan Akta Kerja 1955 [Akta 265] serta mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.
2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670] dan Akta Kerja 1955 [Akta 265] serta mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

Yang benar,

Tandatangan :

Nama :

No.KP :

Tarikh :

Cap Syarikat :

SPESIFIKASI KERJA UNTUK SEBUTHARGA

- A. Spesifikasi Am A-1 hingga A-15
- B. Kerja Tanah B-1 hingga B-11

A. SPESIFIKASI AM

- A-1. Kerja Sebutharga yang ditawarkan adalah termasuk pembekalan pekerja, tenaga buruh, bahan-bahan, peralatan, kejenteraan, perkhidmatan (service), penyeliaan dan lain-lain yang seumpamanya yang diperlukan untuk menjalankan dan menyiapkan kerja-kerja tersebut seperti didalam *Ringkasan sebutharga* dengan mengikut dan memenuhi spesifikasi, pelan berkenaan dan arahan-arahan Pegawai Penguasa.
- A-2. Perkataan “Pegawai Penguasa” adalah bermaksud sebagai Jurutera Projek, IADA Pulau Pinang termasuk wakil atau wakilnya yang dilantik olehnya dari masa kesemasa.
- A-3. Segala aras-aras yang ditunjukkan di dalam pelan-pelan berkenaan merupakan aras-aras yang telah ditentukan oleh Pejabat ini. Kontraktor hendaklah merujuk kepada Pegawai penguasa sebelum apa-apa kerja dijalankan. Kerja-kerja pembinaan tanpa rujukan kepada Pegawai Penguasa adalah tidak dibenarkan.
- A-4. Kerja-kerja hendaklah dijalankan pada waktu dan hari bekerja Pejabat. Kerja-kerja yang hendak dijalankan luar dari waktu hanya boleh dijalankan dengan kebenaran dari Pegawai Penguasa dengan terlebih dahulu Kontraktor mengemukakan surat permohonan serta menyatakan sebab-sebab kerja itu perlu dijalankan dalam waktu tersebut.
- A-5. Di dalam kes kerja-kerja tidak dapat disiapkan dan Kontraktor Pertama gagal untuk menyiapkan selepas peringatan bertulis yang akhir diberi, Pejabat ini berhak untuk melantik Kontraktor lain (Kontraktor Kedua) menyiapkan baki kerja-kerja yang tergendala itu. Segala pembayaran kepada Kontraktor Pertama akan dibayar selepas perkiraan pembayaran dibuat untuk Kontraktor Kedua.
- A-6. Kontraktor adalah sama sekali dilarang menutup atau menimbulkan apa-apa binaan dari penglihatan Pegawai Penguasa sehingga Pegawai Penguasa berpeluang untuk memeriksa dan membuat pengukuran kerja tersebut. Kontraktor hendaklah memberi notis yang cukup sebaiknya apabila kerja-kerja berkenaan hampir siap dan sedia untuk pemeriksaan Pegawai Penguasa.
- A-7. Apabila siap, kerja Kontraktor hendaklah membersih tapakbina dan membuang keluar dari tapakbina apa-apa peralatan binaan, sampah-sampah dan binaan-binaan sementara atau yang seumpamanya. Tapakbina berkenaan hendaklah bersih dan memenuhi kehendak Pegawai Penguasa.
- A-8. Setiap operasi kerja yang dijalankan bagi menyiapkan Sebutharga ini hendaklah dilakukan tanpa menimbulkan atau mewujudkan gangguan atau apa-apa halangan kepada kesenangan awam.
- A-9. Kontraktor adalah bertanggungjawab keatas penyenggaraan dan pemberian semula apa-apa kerosakan ke atas kemudahan seperti jalan, laluan, parit, talair, pembentong, pagar, titi dan seumpamanya yang digunakan bagi tujuan perlaksanaan Sebutharga ini. Kebenaran untuk menggunakan dari pihak-pihak tertentu sama ada persendirian atau bukan perlu diperolehi terlebih dahulu oleh Kontraktor sendiri.

- A-10. Sebelum memulakan apa-apa kerja pengorekan bagi tujuan Sebutharga ini, Kontraktor hendaklah memastikan dengan cara berhubung dengan pihak-pihak berkenaan bahawa tiada paip air, kabel atau sebagainya berada di tapakbina tersebut. Adalah menjadi tanggungjawab Kontraktor untuk membaiki apa-apa kerosakan yang telah dilakukan.
- A-11. Kontraktor adalah dikehendaki untuk mengatur pengambilan gambar ditapakbina pada lokasi dan sudut yang sama sebelum, semasa dan selepas kerja itu siap dan mengikut arahan Pegawai Penguasa sekurang-kurangnya 24 keping berukuran 5"x3". Gambar-gambar dan negative berkenaan diserahkan kepada Kerajaan dan menjadi Hak Kerajaan.
- A-12. Jika berlaku keadaan bencana alam seperti banjir besar atau seumpamanya yang mengakibatkan kerosakan terhadap sebahagian kerja-kerja sedangkan kerja-kerja tersebut belum diserahkan secara rasmi kepada jabatan dan dalam masa yang sama Kontraktor telah menjalankan langkah-langkah bagi mengelakkan kerosakan tersebut, penyelesaian akan dibuat secara rundingan antara Kontraktor dengan Kerajaan.
- A-13. Dalam apa jua bentuk jumlah kuantiti yang disebut dalam *Ringkasan Sebutharga* berkenaan, Kontraktor hendaklah membuat anggaran sendiri dengan mengambil kira jumlah mampatan, kehilangan dan kesusutan semasa membuat tawaran kadarharga.
- A-14. Semua kuantiti yang dinyatakan dalam ringkasan sebutharga (kuantiti) kecuali dinyatakan adalah sementara dan tertakluk kepada pengukuran semula untuk pembayaran akhir.
- A-15. Insurans hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Pegawai penguasa sebelum memulakan kerja.
- A-16. Semua barang-barang, bahan-bahan dan alatan tukang hendaklah mengikut sepertimana yang diluluskan oleh Pegawai penguasa / wakil atau spesifikasi yang telah ditetapkan di dalam pelan / dokumen sebutharga.
- A-17. Semua loji berjentera yang digunakan oleh Kontraktor hendaklah dari Jenis, saiz dan corak bekerja yang bersesuaian dengan jenis, corak dan keadaan tapakbina dimana kerja-kerja akan dijalankan.
- A-18. Kontraktor hendaklah mengadakan saliran yang sepatutnya untuk air permukaan dari tapakbina termasuk air hujan dari kawasan sekeliling yang mengalir ke tapakbina.
- A-19. Kontraktor hendaklah dengan perbelanjaannya sendiri, memperuntuk, membentuk, memasang dan menyenggarakan apa-apa pam, pelongsor, dinding, longkang, batas-batas, perangkap-perangkap lumpur dan lain-lain kerja sementara yang perlu untuk saliran tapakbina yang sepatutnya supaya tidak berlaku banjir atau lain-lain kerosakan atau gangguan kepada kawasan-kawasan di sekeliling Kerja atau kepada Kerja di sepanjang tempoh Kontrak.
- A-20. Kontraktor hendaklah mengatur untuk membawa bahan-bahan, loji-loji dan sebagainya supaya kerosakan kepada jalan-jalan dan pembetung-pembetung yang sedia ada adalah minimum. Kontraktor hendaklah bertanggungjawab di atas sebarang kerosakan yang disebabkan oleh loji-Loji, lori-lori atau pekerja-pekerjanya ke atas mana-mana jalan, pembetong dan sebagainya dan hendaklah menyenggara dan memperbaiki kerosakan-kerosakan itu mengikut sepertimana yang diluluskan oleh P.P atau sebaliknya, dia hendaklah menanggung kos penyenggaraan dan pemulihan tersebut, sebagai potongan dari wang yang kena dibayar atau genap masanya dibayar kepada Kontraktor di bawah kontrak ini.

- A-21. Dalam tempoh 28 hari selepas penerimaan surat Setujuterima Sebutharga , Kontraktor hendaklah menyerahkan kepada P.P untuk kelulusannya suatu program yang menunjukkan peraturan atau prosedur dan cara bagaimana Kontraktor bercadang melaksanakan kerja dan hendaklah pada bila-bila masa yang diperlukan oleh P.P atau wakil P.P melengkapkan untuk meklumannya butir-butir secara bertulis mengenai perkiraan Kontraktor bagi melaksanakan kerja dan loji pembinaan dan kerja-kerja sementara, jika ada, yang Kontraktor berniat, membekal, menggunakan atau membina yang mana berkenaan. Penyerahan program itu kepada dan kelulusan oleh P.P atau wakil P.P atau penyerahan butir-butir itu hendaklah tidak melepaskan Kontraktor daripada mana-mana kewajipan atau tanggungjawab di bawah kontrak ini.

Jika pada bila-bila masa, P.P mendapati bahawa kemajuan kerja sebenarnya tidak menepati program yang diluluskan sebagaimana yang disebutkan di atas, Kontraktor hendaklah mengemukakan atas permintaan P.P suatu program yang disemak yang menunjukkan ubahsuaian-ubahsuaian yang perlu kepada program yang diluluskan bagi menjamin penyelesaian semua kerja dalam tempoh masa penyelesaian sepetimana yang ditentukan dalam Kontrak.

- A-22. Kontraktor hendaklah mengadakan , mendiri, mengecat dan menyenggara satu papan tanda di dalam Bahasa Malaysia seperti Yang ditunjukkan dalam pelan-pelan yang berkenaan atau seperti yang diarahkan oleh P.P. Papan tanda hendaklah didirikan di tempat yang dinyata di tapakbina seperti yang diluluskan oleh P.P.

B. KERJA TANAH

- B-1. Dalam keadaan dimana bentuk halangan (obstacles) ditemui semasa kerja-kerja pengorekan dijalankan Pengawai Penguasa hendaklah dengan sertamerta diberitahu. Kontraktor adalah dikehendaki mengatasinya sebagaimana arahan dari Pengawai Penguasa. Apa-apa bentuk kerja tambahan yang diarahkan yang memerlukan bahan-bahan lain atau melibatkan tambahan pengorekan akan dikira sebagai kos kerja tambahan ke atas Sebutharga berkenaan.
- B-2. Kontraktor hendaklah menempatkan bahan korekan (excavated materials) seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa dan sama sekali ditegah meletakkan ditempat yang boleh menghalang kerja Kontraktor atau Jabatan.
- B-3. Kerja tanah bagi penutupan semula binaan, pecahan ban yang seumpamanya hendaklah menggunakan bahan yang terpilih dan diperakukan oleh Pegawai Penguasa. Kerja pemampatan (compaction) hendaklah dijalankan lapis keselapis tidak melebihi 9 in tebal setiap lapis. Bahan-bahan lebih hendaklah diratakan ditempatkan yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa.
- B-4. Pengawai Penguasa hendaklah diberitahu oleh Kontraktor di mana kerja-kerja pengorekan siap dijalankan supaya dapat diperiksa sebelum kerja-kerja konkrit dimulakan.
- B-5. Adalah menjadi tanggungjawab kontraktor untuk menyediakan apa jua bentuk peralatan atau bahan bagi tujuan mengelakkan tanah runtuh semasa kerja-kerja pengorekan dijalankan.
- B-6. Kontraktor adalah dikehendaki menyediakan pam untuk tujuan mengeringkan tempat pengorekan bagi mendapatkan mutu kerja konkrit yang tinggi.
- B-7. Crusher run, atau bahan lain yang diluluskan oleh Pegawai Penguasa hendaklah bahan bergred 'granular' dengan julat saiz dari 40 mm kebawah dan bebas dari kandungan atau bahan organik. Julat gred adalah seperti jadual di bawah. Walaubagaimanapun gred ini adalah sebagai panduan kepada Pegawai penguasa dan boleh diubah mengikut keperluan dan kesesuaian.

<u>B.S Sieve</u>	<u>Percentage by Weight Passsing</u>
50mm	100
40mm	70-100
20mm	50-85
10mm	40-70
5mm	30-55
2.4mm	20-45
420 Micron	10-25
75 Micron	5-15

- B-8. Untuk kerja-kerja menaiktaraf (desilting) kerja pengukuran awal dan akhir perlu dijalankan oleh pihak pemborong dan dimasukan kos kerja dalam mana-mana item Sebutharga atau seperti mana diarahkan oleh Pegawai penguasa.
- B-9. Kerja-kerja pengorekan mestilah mencapai aras dasar (invert level) sepermima ditunjukkan muka keratan dalam rekabentuk di pelan berkaitan.
- B-10. Pembayaran akan dibuat berdasarkan kuantiti yang diperolehi dari kerja-kerja ukur sepermima item B-7 di atas.
- B-11. Pengorekan kuantiti tanah melebihi aras dasar (invert level) rekabentuk tidak akan dibuat bayaran.

KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA) PULAU PINANG

NO. SEBUTHARGA : IADA/BKP/SPT/P&K/QO(40)2025

KERJA-KERJA MENAIKTARAF KOMPLEKS IADA DAN KUARTERS SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI IADA PULAU PINANG, DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG.**RINGKASAN SEBUTHARGA
(SEMUA KUANTITI ADALAH SEMENTARA KECUALI DINYATAKAN)**

BIL	PERKARA	UNIT	KUANTITI	KADAR RM	HARGA RM
A	Kerja -kerja awalan, menyediakan insuran dan lain-lain kontigensi				
1	Polisi Pampasan Awam (Public Liability)	Pukal	-		
2	Polisi Pampasan Kerja (Insurance of Works) ATAU Akta Keselamatan Sosial 1969 (PERKESO)	Pukal	-		
3	Menyediakan laporan kemajuan kerja bergambar sebelum, semasa dan selepas kerja dilaksanakan (pada satu sudut atau lokasi yang sama) dalam bentuk "hard copy" (2 set) dan "soft copy" (pendrive 32GB) dan kerja berkaitan sebagaimana arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya.	Pukal	-		
	Menyediakan segala bahan-bahan, kelengkapan, tenaga kerja dan keperluan lain untuk melaksanakan kerja-kerja berikut :				
B	<u>KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN KUARTERS</u>				
	KUARTERS NO.2				
1	Kerja-kerja membuang mozek di bilik air utama dan kerja-kerja berkaitan mengikut spesifikasi dan arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya	Pukal	-		
2	Membekal dan memasang baru jubin lantai tandas bersaiz 600mm X 300mm mengikut spesifikasi dan arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya.	m ²	10		
3	Membekal dan memasang pintu panel kayu keras berketam bersaiz 900mm x 2100mm menggunakan kayu jenis nyatoh termasuk aksesori berkaitan serta mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya.	Nos	3		
4	Kikis cat kapur lama luar dan dalam, distemper lama, cat pintu,cat bingkai dan sebagainya dari permukaan yang dilepa, basuh dan membaiki semua retak dan permukaan lain yang cacat serta kerja-kerja berkaitan dengannya mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya	m ²	210		
5	Sediakan permukaan dan sapu satu lapis cat asas dan dua lapis cat emulsi pada permukaan-permukaan berlepa serta kerja-kerja berkaitan dengannya mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya	m ²	210		
6	Kerja-kerja menukar baru tombol kunci jeriji besi dan pintu serta kerja berkaitan sebagaimana arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya	No	7		
7	Kerja-kerja menggantikan jubin 'skirting' yang rosak pada kabinet dapur dan menukar baru paip pancur serta kerja-kerja berkaitan mengikut spesifikasi dan arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya .	Pukal	-		
8	Kerja-kerja membekal dan memasang 28mm tebal pintu tandas pvc saiz 900mm lebar x 2100mm tinggi termasuk engsel dan bolt penunjuk serta dipasang pada bingkai dan kerja-kerja berkaitan mengikut spesifikasi dan arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya .	No	1		

JUMLAH DIBAWA KE BELAKANG

BIL	PERKARA	UNIT	KUANTITI	KADAR RM	HARGA RM
JUMLAH DIBAWA DARI HADAPAN					
	KUARTERS NO. 3				
9	Kerja-kerja membekal dan memasang 28mm tebal pintu tandas pvc saiz 900mm lebar x 2100mm tinggi termasuk engsel dan bolt penunjuk serta dipasang pada bingkai dan kerja-kerja berkaitan mengikut spesifikasi dan arahan Pegawai Pengguna atau wakilnya .	No	1		
10	Kerja-kerja mengetuk dan melepa licin semula permukaan seluruh ruang lantai letak kereta dengan konkrit siap bancuh gred 20 setebal 75mm serta kerja-kerja berkaitan mengikut arahan Pegawai Pengguna.	m ²	42		
11	Kerja-kerja membuka jeriji besi 'slidding door' dan tingkap serta kerja-kerja berkaitan mengikut arahan Pegawai Pengguna.	Pukal	-		
12	Menjalankan kerja-kerja pembaikan paip air dibilik air utama termasuk aksesori serta kerja-kerja berkaitan mengikut spesifikasi dan arahan Pegawai Pengguna atau wakilnya.	Pukal	-		
	KUARTERS NO. 4				
KERJA-KERJA MENGECHAT RUANG BILIK KUARTERS					
13	Kikis cat kapur lama luar dan dalam, distemper lama, cat pintu,cat bingkai dan sebagainya dari permukaan yang dilepa, basuh dan membaiki semua retak dan permukaan lain yang cacat serta kerja-kerja berkaitan dengannya mengikut arahan Pegawai Pengguna atau wakilnya	m ²	125		
14	Sediakan permukaan dan sapu satu lapis cat asas dan dua lapis cat emulsi pada permukaan-permukaan berlepa serta kerja-kerja berkaitan dengannya mengikut arahan Pegawai Pengguna atau wakilnya	m ²	125		
15	Melaksanakan kerja membekal dan memasang almari pakaian bersaiz 8ft x 10ft diruang bilik utama mempunyai cermin termasuk aksesori serta kerja-kerja berkaitan dengannya mengikut arahan Pegawai Pengguna atau wakilnya.	No.	1		
16	Melaksanakan kerja membekal dan memasang almari pakaian bersaiz 8ft x 4ft diruang bilik utama mempunyai cermin termasuk aksesori serta kerja-kerja berkaitan dengannya mengikut arahan Pegawai Pengguna atau wakilnya.	No.	2		
17	Kerja-kerja membuka dan membuang jubin lantai yang lama di koridor luar rumah dan membawa keluar mengikut arahan Pengawai Pengguna atau wakilnya	Pukal	-		
18	Membekal dan memasang baru jubin lantai seramik bersaiz 600mm X 300mm beserta 'skirting' mengikut spesifikasi dan arahan Pegawai Penguna atau wakilnya.	m ²	12		
19	Membekal dan memasang penutup manhole beserta bingkai penutup manhole bersaiz 2ft x 1.5ft jenis bahan konkrit serta kerja-kerja berkaitan mengikut arahan Pegawai Penguna atau wakilnya.	No.	2		
C	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN KOMPLEKS IADAPP				
(I)	KERJA-KERJA MENGECHAT BANGUNAN DALAMAN BLOK A				
1	Kikis cat kapur lama luar dan dalam, distemper lama, cat pintu,cat bingkai dan sebagainya dari permukaan yang dilepa, basuh dan membaiki semua retak dan permukaan lain yang cacat serta kerja-kerja berkaitan dengannya mengikut arahan Pegawai Penguna atau wakilnya	m ²	1750		
2	Sediakan permukaan dan sapu satu lapis cat asas dan dua lapis cat emulsi pada permukaan-permukaan berlepa serta kerja-kerja berkaitan dengannya mengikut arahan Pegawai Penguna atau wakilnya	m ²	1200		
JUMLAH DIBAWA KE BELAKANG					

BIL	PERKARA	UNIT	KUANTITI	KADAR RM	HARGA RM
JUMLAH DIBAWA DARI HADAPAN					
3	Sediakan permukaan dan sapu dua lapis cat berasaskan kayu pada pintu, bingkai kayu dan permukaan lain serta kerja-kerja berkaitan dengannya mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya	m ²	110		
4	Sediakan permukaan dan sapu dua lapis cat berasaskan logam pada bingkai besi dan permukaan lain serta kerja-kerja berkaitan dengannya mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya	m ²	110		
5	Sediakan permukaan dan sapu satu cat asas dan dua lapis cat rintangan cuaca (weathershield) pada permukaan-permukaan batu atau konkrit serta kerja-kerja berkaitan dengannya mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya	m ²	800		
6	Sediakan permukaan dan sapu dua lapis cat emulsi pada siling serta kerja-kerja berkaitan dengannya mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya	m ²	920		
(IV) KERJA-KERJA PENGGANTIAN SALUR AIR BUANG DI PEJALAN KAKI BLOK A					
1	Menanggal dan membuang talang cucur atap (gutter) sedia ada jenis aluminium di sisi pejalan kaki antara Blok A dengan Blok B termasuk segala kelengkapan yang bersangkutan dengannya mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya.	m	35		
2	Memasang rain gutter baru jenis UPVC bersaiz 150mm diameter l/d sambungan kemasan solvent aksesori hanger,spout head, serta kerja-kerja yang berkaitan di sisi pejalan kaki antara Blok A dengan Blok B mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya.	m	35		
(VI) KERJA-KERJA PENGGANTIAN BUMBUNG DEK LOGAM DAN MENGECHAT SEMULA TIANG BUMBUNG DITEMPAT LETAK KENDERAAN (BLOK A)					
1	Sediakan permukaan dan sapukan satu lapis primer pada struktur tiang bumbung serta kerja-kerja berkaitan dengannya mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya	No	17		
2	Sapukan satu lapis cat enamel pada struktur tiang bumbung serta kerja-kerja berkaitan dengannya mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya	No	17		
3	Membuka dan membuang bumbung dek logam berombak serta kerja-kerja berkaitan mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya.	m ²	105		
4	Membekal dan memasang bumbung dek logam di bumbung tempat letak kenderaan termasuk semua peralatan tambahan mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya.	m ²	105		
(VII) KERJA-KERJA PENGGANTIAN SALUR AIR BUANG TEMPAT LETAK KENDERAAN (BLOK A)					
1	Menanggal dan membuang talang cucur atap (gutter) sedia ada jenis aluminium di sisi pejalan kaki antara Blok A dengan Blok B termasuk segala kelengkapan yang bersangkutan dengannya mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya.	m	80		
2	Memasang rain gutter baru jenis UPVC bersaiz 150mm diameter l/d sambungan kemasan solvent aksesori hanger,spout head, serta kerja-kerja yang berkaitan di sisi pejalan kaki antara Blok A dengan Blok B mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya.	m	80		
JUMLAH DIBAWA KE BELAKANG					

BIL	PERKARA	UNIT	KUANTITI	KADAR RM	HARGA RM
JUMLAH DIBAWA DARI HADAPAN					
(VIII)	<u>KERJA-KERJA PENGGANTIAN KIPAS (BLOK V)</u>				
3	Membekal dan memasang kipas 3 bilah menggantikan yang rosak termasuk aksesori serta kerja-kerja berkaitan mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya.	No	1		
(IX)	<u>KERJA PENGGANTIAN PINTU TANDAS DAN TANGKI AIR TANDAS SURAU</u>				
4	Kerja-kerja membekal dan memasang 28mm tebal pintu tandas pvc jenis lipat saiz 900mm lebar x 2100mm tinggi termasuk engsel dan bolt penunjuk serta dipasang pada bingkai dan kerja-kerja berkaitan mengikut spesifikasi dan arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya .	No	1		
5	Membekal, memasang dan menggantikan tangki air cangkung termasuk aksesori serta kerja-kerja berkaitan mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya.	No	1		
D	<u>LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN</u>				
1	Menjalankan kerja-kerja pemberaan kecil dan kerosakan di kawasan kompleks IADA mengikut arahan Pegawai Penguasa atau Wakil i) Baikpulih paip bocor dilaluan Blok B dan kawasan Blok C ii) Membuang pelekat 'MAFI' disekitar kawasan kompleks pembangunan IADA Pulau Pinang dan menggantikan pelekat 'Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)'	Pukal	-		
<p>Note :</p> <p>*Semua bahan yang digunakan hendaklah mendapat kelulusan dan persetujuan daripada Pegawai Penguasa</p> <p>*Semua kuantiti di atas adalah anggaran kasar,kuantiti sebenar akan diukur semasa dan selepas pembinaan.</p>					
JUMLAH KESELURUHAN					

Catatan :

Ringgit

Malaysia:.....

Jika ada butiran yang dikehendaki dalam Spesifikasi dan Skop Kerja tidak termasuk di dalam Ringkasan Sebut Harga ini, harga butiran tersebut hendaklah disifatkan telah dimasukkan ke dalam salah satu butiran dalam Ringkasan Sebut Harga.

Tandatangan Kontraktor

.....
 Nama :
 Jawatan :
 Tarikh :

SULIT**DOKUMEN J – LAPORAN BANK/SYARIKAT KEWANGAN KE ATAS KEDUDUKAN
KEWANGAN PENYEBUTHARGA**

(Borang ini hendaklah diisi oleh bank/syarikat kewangan yang menyediakan kemudahan kredit kepada penyebutharga dan hendaklah diserahkan kepada penyebutharga dalam sampul surat berlakri untuk dihantar sebagai sebahagian daripada dokumen sebutharga)

To:

.....

.....
(Pegawai Inden)

Nama Penyebutharga :
Nama Sebutharga :

A. Kemudahan Kredit yang boleh digunakan untuk pembiayaan projek

Kemudahan kredit dan tambahan minimum kemudahan kredit yang akan diluluskan untuk Penyebutharga adalah seperti berikut:-

Bentuk Kemudahan Kredit	Baki dari amaun yang diluluskan	Tambahan minima yang akan diluluskan*	Jumlah
i) Overdraft	RM	RM	RM
ii) Secured overdraft	RM	RM	RM
iii) Credit line	RM	RM	RM
iv) Fixed loan	RM	RM	RM
v)	RM	RM	RM
Jumlah:	RM	RM	RM

*(jika projek diawad kepada penyebutharga)

B. Komen ke atas akaun dan kedudukan kewangan Penyebutharga

Tandatangan Pegawai:

Untuk dan bagi pihak

Nama penuh:

Jawatan:

Tarikh:

(Nama dan chop syarikat)

SENARAI KERJA YANG TELAH DISIAPKAN

Nama Bekalan/Perkhidmatan	Jabatan/Agensi yang Mengawasi Projek	Harga	Tempoh	Tarikh Siap Sebenar

SENARAI KERJA DALAM TANGAN

Nama Bekalan/Perkhidmatan	Jabatan/Agensi yang Mengawasi Projek	Harga	Tarikh Mula	Tarikh Siap

**SENARAI SEMAKAN SEBUTHARGA
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)**

Sila tandakan bagi dokumen-dokumen yang disertakan

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk Di tanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebutharga
1.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	Salinan Sijil Akuan Pembuat Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	Sijil SSM	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dari Lembaga Pembangunan Industri pembinaan Malaysia	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	Salinan Sijil Perakuan pendaftaran dari Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7.	Salinan Sijil Taraf Bumiputera Dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8.	Maklumat E-Vendor 1gfm	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9.	Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan ditandatangani	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10.	Borang Maklumat Penyebut Harga	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
11.	Pematuhan Kepada Spesifikasi	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
12.	Borang Penyerahan Contoh Dan Katalog (jika berkaitan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
13.	Cadangan Penyelenggaraan/Peyenggaraan (jika perlu)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
14.	Senarai Kakitangan Teknikal (jika berkaitan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
15.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi Tiga (3) Bulan terakhir Bagi Gred G2 dan keatas (Sebutharga melebihi RM200,000.00 dan keatas)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
16.	Lain- Lain Sekiranya Ada	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT	UNTUK KEGUNAAN JABATAN
dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebutharga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.	Jawatankuasa Pembuka Sebutharga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil.....(jika ada).
Tandatangan :	Tandatangan :
Nama :	Nama :
Jawatan:	Jawatan:
Tarikh :	Tarikh :
	Tandatangan :
	Nama :
	Jawatan:
	Tarikh :